

**Peruntukan Pengecualian (*Exemptions*) di bawah  
Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012**

Bagi memudahkan cara aktiviti jualan oleh syarikat-syarikat perniagaan yang berhasrat untuk dikecualikan daripada Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012, syarikat perniagaan tersebut adalah disarankan menggunakan Peruntukan Pengecualian (*Exemptions*) melalui kaedah-kaedah berikut:

| Bil. | Kaedah Pengecualian  | Huraian dan contoh   |
|------|--|--|
| 1    | Pengurangan harga tanpa mempamerkan perbandingan harga asal atau potongan peratus (diskaun).                                     | <p>Mempamerkan harga yang murah dari <b>harga asal</b> atau <b>harga kebiasaannya</b>, tanpa mempamerkan harga asal atau potongan peratus (diskaun).</p> <p>Contoh: Harga asal sebotol minuman bergas adalah \$2.50, tapi dijual dengan harga \$1.50 sahaja tanpa mempamerkan harga asal (\$2.50).</p>   |
| 2    | Pengurangan harga bersyarat.   | <p>Harga murah atau promosi hanya dapat dinikmati jika telah memenuhi syarat-syarat tertentu terhadap pengguna sahaja.</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Members Day Sale.</i></li> <li>• <i>Purchase With Purchase.</i></li> <li>• <i>Second items for 20% discount.</i></li> <li>• <i>Groups with more than 4 children (2 – 16 years old) get 20% off menu prices of food.</i></li> <li>• <i>Wear an item of blue to celebrate World's Children's Day to get 10% off entrance fee on 20-22 November 2020.</i></li> </ul> |
| 3    | Pengurangan harga dilakukan secara lisan.  | Harga tawar-menawar yang dibuat oleh penjual dan pembeli sehingga mencapai harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak ( <i>haggling and bargaining</i> ).  |
| 4    | Sebarang pengurangan atau diskauan harga bagi barang yang mudah rosak ( <i>perishable items</i> ) dan 1 jam sebelum waktu tutup. | <p>Jualan murah yang selalu dilakukan oleh kedai kek dan kedai roti.</p> <p>Contoh: Harga diskauan 50% bagi semua jenis roti selepas jam 8 malam (1 jam sebelum tutup).</p>  |